



PERJANJIAN HUDAIBIYAH

AHMAD NZRYSHAH B. MOHAMED KHALID

BAGAIMANA BERMULA ?

- Tahun 628M – Apabila orang islam bercadang menziarahi Makkah
- Kota Makkah sangat penting kerana letaknya Kaabah yang menjadi pusat ibadat orang islam.
- Makkah tempat asal orang Muhajirin dan tempat turunya wahyu
- Nabi Muhammad s.a.w, besetuju dengan rancangan itu, pada masa yang sama rasulullah ingin mengerjakan umrah.
- Walaubagaimanapun, kehadiran orang islammadinah ke Makkah disekat oleh orang Arab Quraisy Makkah di HUDAIBIYAH.
- Mereka merasa tercabar dan bimbang dengan kekuatan islam.
- Orang Islam Madinah menghantar Uthman Bin Affan untuk menerangkan tujuan mereka.

BAGAIMANA BERMULA ?

- Khabar angina mengatakan Uthman Bin Affan telah dibunuh, akibatnya orang islam telah bersumpah melalui " Baiah Al Ridwan " untuk menuntut bela kepada kematian Uthman Bin Affan.
- Orang Quraisy berasa bimbang dan menghantar Suhail Bin Amru (Quraisy) untuk berbincang.
- Baginda bersedia mengadakan perjanjian dan termetrailah PERJANJIAN HUDAIBIYAH antara Nabi Muhammad s.a.w (Islam) dengan Suhail Bin Amru (Quraisy).

KANDUNGAN PERJANJIAN HUDAIBIYAH

- BERSETUJU MENGADAKAN **GENCATAN SENJATA** SELAMA 10 TAHUN
- KABILAH ARAB YANG LAIN **BEBAS MEMIHAK** SAMA ADA KEPADA ORANG ISLAM MADINAH ATAU ORANG QURAISY MAKKAH.
- **ORANG ISLAM** MADINAH YANG MEMIHAK KEPADA MAKKAH TANPA KEBENARAN PENJAGANYA **TIDAK PERLU** DIPULANGKAN.
- **ORANG QURAISY** MAKKAH YANG MEMIHAK KEPADA MADINAH TANPA KEBENARAN PENJAGANYA **PERLU DIPULANGKAN** SEMULA.
- UMAT ISLAM HANYA BOLEH MENGERJAKAN **UMRAH PADA TAHUN BERIKUTNYA**.

KEPENTINGAN

- Orang Islam berpeluang menunaikan HAJI pada tahun berikutnya.
- Memberi peluang orang islam bergerak bebas ke Makkah dan beribadat di Kaabah pada bila – bila masa.
- Tempoh Perdamaian, membolehkan Rasulullah merangka program dakwah islamiah keseluruh Semenanjung Tanah Arab secara aman.
- Suku Arab berhak menganut apa – apa agama yang mereka sukai tanpa halangan.
- Dikhabarkan oleh sejarahwan, dalam tempoh 2 tahun jumlah umat islam berganda.
- Kandungan Perjanjian Hudaibiyyah mengambarkan islam tersebar dengan aman. Walaupun pada awalnya perjanjian itu dilihat sebagai berat sebelah, namun Rasulullah yakin ia akan menyebelahi islam.
- Ini terbukti dengan pengislaman tokoh panglima Arab Quraisy yang berpengaruh seperti Khalid Al-Walid, Amru bin Al-As

KEPENTINGAN

- Melambangkan ketokohan Nabi Muhammad s.a.w sebagai pemimpin unggul dan dikagumi.
- Rasulullah tidak bertindak secara terburu – buru, malah melihatnya secara menyeluruh, terperinci dan berwawasan.
- Persetujuan menandatangani Perjanjian Hudaibiyah menandakan orang Arab Quraisy mengiktiraf Kerajaan Islam Madinah, yang sebelum ini menentang islam.
- Namun demikian , perjanjian itu bertahan hanya 2 tahun, akhirnya dicabuli oleh orang Arab Quraisy apabila mereka memberi sokongan kepada Bani Bakar yang berperang dengan Bani Khuza'ah dalam tempoh gencatan senjata. Mereka membunuh beberapa orang Bani Khuza'ah yang memihak kepada islam.

KEPENTINGAN PEMBUKAAN KOTA MAKKAH

- Pengislaman Abu Sufian dan Abbas merupakan faktor penting memudahkan kota Makkah dikuasai orang islam.
- Dengan pengislaman kedua – dua tokoh utama itu, orang Arab Quraisy yang lain juga memeluk islam.
- Nabi Muhammad s.a.w memberikan jaminan keselamatan kepada mereka yang terkepung semasa pembukaan kota makkah.
- Rasulullah berpidato dan membacakan ayat Al-Quran menekankan kepentingan perpaduan diamalkan dalam masyarakat.
- Sifat Pemaaf, Rasulullah terhadap orang Arab Quraisy yang dikepung begitu ketara.
- Baginda tidak membalas dendam malahan memaafkan mereka.
- Amalan Pemaaf inilah yang menjadi kunci kejayaan penyebaran islam seterusnya.

KESAN PEMBUKAAN KOTA MAKKAH

- Kejayaan Pembukaan Kota Makkah mengakibatkan Kota Makkah terpelihara daripada unsur – unsur jahiliah.
- Agama Berhala dihapuskan sama sekali dan digantikan dengan islam.
- Masyarakat islam mula mendalami islam.
- Kota Makkah dijadikan kota suci.
- Kota ini menjadi tumpuan masyarakat islam untuk menunaikan ibadat.
- Pembukaan Kota Makkah membuktikan kekuuhan Kerajaan Madina yang dibina oleh Nabi Muhammad s.a.w
- Islam menjadi semakin kuat.
- Makkah menjadi sebahagian wilayah islam

KESAN PEMBUKAAN KOTA MAKKAH

- Sebelum wafat baginda meninggalkan pusaka yang tidak akan menjadikan umat islam sesat, iaitu Al-Quran dan Sunnah Baginda.

KESIMPULANNYA :

- Pembentukan kerajaan islam melambangkan islam dapat dipraktikkan dalam kehidupan seharian secara menyeluruh.
- Tamadun yang dibina oleh Nabi Muhammad menjadi titik tolak kepada kejayaan pemerintahan islam seterusnya.
- Pembentukan kerajaan islam yang kukuh mengambil kira perpaduan serta keharmonian hidup pelbagai bangsa perlu dicontohi.
- Nilai murni yang dipamerkan oleh Rasulullah perlu dicontohi oleh generasi muda.
- Sikap tidak menyerah kalah Rasulullah perlu dicontohi, supaya rintangan dan cabaran dapat ditempuhi.